

22 SEP 1999

Mahathir-wawasan

WAWASAN BARU DR MAHATHIR MAJUKAN PERTANIAN

KUALA LUMPUR, 22 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata wawasan terbarunya untuk Malaysia ialah memajukan sektor pertanian negara untuk menjadikan negara ini pengeluar makanan.

Perdana Menteri berkata kerajaan sedang mengkaji pelbagai aset negara seperti sungai, tasik, laut dan terumbu untuk digunakan bagi memperkaya negara.

Dr Mahathir berkata bahawa pada masa ini Malaysia mengimport terlalu banyak bahan makanan dan ini membebankan kerajaan khususnya semasa kelembapan ekonomi.

"Wawasan saya seterusnya mungkin nampak biasa tetapi ia tidak kurang pentingnya (kerana) kita tidak boleh mengimport terlalu banyak makanan," katanya pada sesi dialog bersama peserta persidangan dan pameran Multimedia Asia (MMA) di Pusat Pameran Antarabangsa di Seri Kembangan di sini.

Beliau ditanya oleh seorang peserta persidangan mengenai wawasan terbarunya selepas Koridor Raya Multimedia, satu kawasan seluas 750 km persegi ke selatan ibu negara yang dijadikan pusat pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

Perdana Menteri berkata negara mempunyai banyak aset yang tidak dimanfaatkan sepenuhnya daripada segi pembangunan pertanian kerana tumpuan diberikan kepada perladangan getah dan kelapa sawit.

Dr Mahathir berkata menternak ayam atau menanam sayur boleh memberikan lebih banyak pulangan daripada menanam getah atau kelapa sawit.

Katanya Malaysia tidak memaksimumkan penggunaan tanahnya.

"Juga dengan terdapat banyak air di sekeliling kita, mungkin kita boleh bangunkan industri akuakultur kita," katanya.

Sambil menyebut Chile sebagai contoh, beliau berkata negara Amerika Selatan itu yang tidak mempunyai sebarang pengalaman menternak ikan salmon sebelum ini, kini telah menjadi pengeksport terbesar ikan itu.

Dr Mahathir berkata dalam lawatan beliau ke Sabah baru-baru ini, beliau melihat terdapat banyak teluk yang sesuai untuk penternakan ikan.

Merujuk kepada MSC, Dr Mahathir berkata seperti kebanyakan usaha lain yang dibuat oleh Malaysia dan yang telah membuktikan bahawa pengkritik salah, MSC juga akan berjaya.

Dari sebuah negara berasaskan pertanian, Malaysia memasuki sektor perindustrian terutama elektronik yang merupakan satu daripada penyumbang tukaran asing terbesar negara.

"Banyak daripada ide kita kelihatan seolah-olah tidak masuk akal pada mulanya tetapi ia berjaya pada akhirnya. Tetapi pelaksanaan juga penting," katanya.

Beliau berkata kawalan modal dan mata wang terpilih telah dikritik oleh banyak orang semasa diperkenalkan setahun lalu.

"Hari ini kita mendengar komen-komen yang amat baik daripada beberapa orang yang juga baik, (seperti) daripada Michel Camdessus," katanya merujuk kepada pengarah urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Kepada soalan lain, beliau berkata kerajaan terus memberi penekanan kepada MSC walaupun semasa kegawatan ekonomi dan usaha itu membuahkan hasil kerana 33 syarikat bertaraf dunia kini memperolehi status MSC, manakala sasarannya ialah 50 syarikat menjelang 2003.

Beliau berkata Malaysia juga bernasib baik kerana berjaya mendapatkan pakar teknologi maklumat terkemuka untuk menjadi anggota Panel Penasihat Antarabangsa MSC sedangkan negara-negara lain yang mempunyai projek IT

serupa tidak mampu berbuat demikian.

Dr Mahathir juga berkata bahawa dengan kebanjiran pengetahuan dalam masyarakat, keupayaan untuk mengenal pasti dengan cepat maklumat yang berguna dengan yang tidak berguna akan membolehkan seseorang itu mendahului yang lainnya.

Katanya tindakan kerajaan mengawasi pelbagai data mengenai prestasi ekonomi negara dalam pelbagai sektor membolehkannya mengendalikan masalah ekonomi dengan lebih baik.

Perdana Menteri berkata negara berjaya menarik pelabur hasil kestabilan dan kerajaannya yang turut memberi perhatian kepada sektor perniagaan.

"Ahli perniagaan akan bertanya sama ada negara ini boleh diramalkan atau tidak. Adakah PAS akan menang atau tidak pada pilihan raya umum? PAS tidak akan menang dan tidak akan terdapat perubahan secara tiba-tiba," katanya.

Kepada soalan mengenai bagaimana MSC akan memanfaatkan golongan kurang upaya, beliau berkata sebagai sebahagian daripada konsep masyarakat penyayang negara, pertimbangan sewajarnya akan diberi kepada semua anggota masyarakat agar semua orang mendapat bahagian yang adil daripada apa yang ditawarkan oleh negara.

Pameran MMA '99 selama lima hari itu dianjurkan bersama oleh Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan, Multimedia Development Corporation Sdn Bhd dan Mimos Berhad.

Ia bertujuan mempromosi MSC sebagai "hadiah kepada dunia" Malaysia untuk menguji ide dan keunggulan pentadbiran dalam era teknologi baru.

Pameran itu melibatkan keluaran 100 syarikat terkemuka negara yang terbabit dalam multimedia, komunikasi dan teknologi aplikasi.

-- BERNAMA

MAM AR RHM MAI